**ANNEX I**
**MSN 13 / 2020**

UMUM

1. **SEMUA** pelaut adalah **DIBENARKAN** untuk menjalankan aktiviti pertukaran anak kapal (*sign-on* & *sign-off*) di mana-mana pelabuhan di Malaysia, tanpa mengira warganegara dan bendera kapal.

2. Sekiranya keputusan ujian COVID-19 adalah **POSITIF** atau anak kapal menunjukkan gejala wabak yang ketara bagi proses *sign-on* atau *sign-off*, anak kapal berkenaan dan syarikat perkapalannya mesti bertindak memberitahu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Pelabuhan dengan segera dalam tempoh 24 jam selepas mendapat pelepasan pelabuhan.

3. Anak kapal seperti perenggan 2 adalah tertakluk atas sebarang arahan lanjut daripada KKM, serta **TIDAK DIBENARKAN** untuk:

   a) pulang ke kediaman;

   b) bergerak ke kapal/pelabuhan;

   c) bergerak ke mana-mana pintu keluar negara;

   d) bergerak dari mana-mana pintu masuk negara; atau

   e) transit di mana-mana kawasan di Malaysia.

4. Protokol penjarakan sosial serta kebersihan diri mengikut garis panduan KKM mestilah sentiasa dipatuhi oleh pihak syarikat perkapalan sepanjang proses pertukaran anak kapal di Malaysia.

5. Pihak syarikat perlu menanggung semua kos kuarantin, ujian COVID-19, rawatan susulan, dan sebarang aspek logistik anak kapal seperti yang diarahkan oleh KKM.

*GENERAL*

1. ***ALL*** *seafarers are* ***ALLOWED*** *to carry out crew change activities (sign-on & sign-off) in any Malaysia port irrespective of their citizenships or ship's flag.*

2. *If the COVID-19 test result is* ***POSITIVE*** *or the crew is showing explicit virus symptoms, either during sign-on or sign-off process, the crew and his/her shipping company must inform the Ministry of Health (MOH) through the nearest Port Health Office immediately within 24 hours upon the clearance.*

3. *The crew as categorised in paragraph 2 are subject to any further instructions from the MOH, and are* ***NOT PERMITTED*** *to:*

   *a) return home;*

   *b) move to the ship / port;*

   *c) move to any exit point;*

   *d) move from any entry point; or*

   *e) transit any area in Malaysia.*

4. *Social distancing protocol as well as personal hygiene in accordance with MOH guidelines must always be complied with by the Shipping Company or Manning Agent throughout the crew change process in Malaysia.*

5. *The company must bear all the costs including any quarantine procedures, tests, follow-up treatment and other related logistics aspects that have to be carried out under the instruction of MOH on the ship's crew.*

*SIGN-OFF*

6. Semua permohonan *sign-off* perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum kapal berlabuh di mana-mana pelabuhan di dalam negara.

7. Semua anak kapal yang *sign-off* di mana-mana pelabuhan di Malaysia adalah tertakluk untuk menjalani ujian kesihatan COVID-19 yang diiktiraf oleh KKM.

8. Sekiranya keputusan ujian COVID-19 anak kapal warganegara **MALAYSIA** didapati **NEGATIF**, anak kapal **MESTILAH** menjalankan kuarantin kendiri menggunakan *Home-Assessment Tools* di kediaman sendiri selama 14 hari mengikut arahan dan garis panduan KKM.

9. Sekiranya keputusan ujian COVID-19 anak kapal warganegara **ASING** yang diperakui KKM didapati **NEGATIF**, syarikat perkapalan **MESTILAH** memastikan anak kapal tersebut:

   a) terus bergerak meninggalkan kawasan pelabuhan; dan

   b) bergerak ke mana-mana pintu keluar negara, dengan kadar segera, tanpa sebarang penangguhan, dan tanpa transit di mana-mana kawasan.

*SIGN-ON*

10. Semua permohonan untuk *sign-on* perlu dilakukan sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum kapal berlabuh di mana-mana pelabuhan di dalam negara.

11. Semua anak kapal yang *sign-on* di mana-mana pelabuhan di Malaysia adalah tertakluk untuk menjalani ujian kesihatan COVID-19 yang diiktiraf oleh KKM.

12. Syarikat perkapalan / ejen pengambilan pelaut **MESTILAH** memastikan semua anak kapal yang mengemukakan permohonan *sign-on* ke Jabatan Laut Malaysia (JLM) memenuhi perkara berikut:-

   a) tidak mempunyai gejala ketara COVID-19 dan sihat tubuh badan;

*SIGN-OFF*

*6. Sign-off aplication has to be made at least three (3) days before the ship berthing at any port in Malaysia.*

*7. All crew signing off in any Malaysia port are required to undergo COVID-19 health tests recognized by the MOH;*

*8. If the result of the COVID-19 test are found to be **NEGATIVE**, a **MALAYSIA** citizen crew **MUST** carry out self-surveillance using Home-Assessment Tools at their own residence for 14 days in accordance with MOH instructions and guidelines.*

*9. If the result of the COVID-19 test are found to be **NEGATIVE** for a **FOREIGN** crew, the shipping company **MUST** ensure the crew:*

*a) transfer from the disembarking port area to the exit point expeditiously; and*

*b) the transfer towards the country exit point shall be made promptly, without any delay, and without transiting in any other area.*

*SIGN-ON*

*10. Sign-on aplication has to be made at least three (3) days before the ship berthing at any port in Malaysia.*

*11. All sign on crew in any Malaysia port are required to undergo COVID-19 health tests recognized by the MOH.*

*12. Prior to submitting the sign-on application to Marine Department Malaysia (MARDEP), The Shipping Company / Manning Agent **MUST** ensure that the crew :*

*a) has no explicit symptoms of COVID-19 and medically fit;*

b) melengkapkan Borang Deklarasi Kesihatan JLM;

c) memperolehi keputusan ujian negatif COVID-19 yang diiktiraf oleh KKM; dan

d) melakukan perakuan rasmi ke atas kesihatan anak kapal yang bebas COVID-19 (anak kapal asing sahaja).

13. Bagi anak kapal warga **ASING**, sekiranya keputusan ujian COVID-19 adalah **NEGATIF**, syarikat perkapalan **MESTILAH** memastikan anak kapal tersebut:

a) terus bergerak dari pintu laluan masuk pertama ke kawasan pelabuhan yang berkaitan dengan kadar segera, tanpa sebarang penangguhan, dan tanpa transit di mana-mana tempat.

14. Nakhoda **MESTILAH** melaksanakan pemantauan gejala COVID-19 setiap hari dan pemeriksaan suhu kepada semua anak kapal yang baharu menaiki kapal selama sekurang-kurangnya 14 hari berturut-turut. Nakhoda juga disaran untuk memantau secara berterusan, dan menyimpan rekod kesihatan anak-anak kapal.

15. Tanpa mengira jenis kapal, protokol penjarakan sosial yang ketat mengikut garis panduan KKM **MESTILAH** diamalkan oleh **SEMUA** anak kapal, sekurang-kurangnya selama 14 hari berturut-turut selepas mereka menaiki kapal. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyediakan anak kapal yang baharu menaiki kapal dengan penginapan individu dan berasingan.

PERMIT PERJALANAN

16. Untuk tujuan sokongan bagi pelepasan pergerakan anak kapal warganegara asing yang *sign-off*, bukti dokumen perjalanan (seperti salinan tiket/jadual penerbangan atau feri) mestilah dikemukakan kepada JLM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan/atau KKM pada bila-bila masa sahaja ia diperlukan.

*b) complete the MARDEP Health Declaration Form;*

*c) obtain the COVID-19 negative test result from labs recognized by the MOH;*

*d) make a formal declaration as free from COVID-19 (foreign crew only).*

*13. If the result of the COVID-19 test are found to be* ***NEGATIVE*** *for a* ***FOREIGN*** *crew, the shipping company* ***MUST*** *ensure the crew:*

*a) to be transported from first point of entry (FPOE) to the designated embarking port area shall be made promptly, without delay and transiting in any other area.*

*14. Master* ***SHALL*** *perform a daily COVID-19 symptoms monitoring and temperature-checking to all newly-joined crew for at least 14 consecutive days after joining. Master is also encouraged to continuously monitor and keep the health record of all crew members.*

*15. Regardless of the type of ships, strict social distancing protocol according to the MOH guidelines* ***SHALL*** *be practised by* ***ALL*** *crew at least for 14 consecutive days after joining. These shall include, but not limited to, providing the newly-joined crew an individual and separate accommodation.*

*TRAVEL PERMIT*

*16. For the purpose of supporting the departure of a foreign off-signer movement, proof of his/her travel document (such as a flight or ferry itinerary/ticket copy) must be provided to MARDEP, the Immigration Department of Malaysia (JIM) and/or MOH whenever it is needed.*

17. Untuk tujuan sokongan bagi pelepasan pergerakan anak kapal warganegara asing yang *sign-on*, bukti surat tawaran pekerjaan atau apa-apa sahaja dokumen lain, mestilah dikemukakan kepada JLM, JIM dan/atau KKM pada bila-bila masa sahaja ia diperlukan.

<u>DOKUMEN PELAUT</u>

18. Perjanjian Pengambilan Pelaut (SEA) yang telah tamat tempoh sepanjang tempoh PKP boleh dimohon pelanjutan untuk tempoh satu (1) bulan, selagi tempoh keseluruhan SEA termasuk pelanjutan tidak melebihi 13 bulan.

19. Tempoh pelanjutan dokumentasi pelaut yang diberikan adalah seperti berikut: -

a) <u>Kad Pelaut (SID)</u>

SID sedia ada pelaut di atas kapal yang telah diberikan pelanjutan 3 bulan secara automatik terdahulu, akan ditamatkan/tidak lagi diteruskan berkuat kuasa pada 31 Julai 2020.

b) <u>Sijil Pemeriksaan Kesihatan (MEC)</u>

MEC sedia ada pelaut di atas kapal yang telah diberikan pelanjutan 3 bulan secara automatik terdahulu, akan ditamatkan/tidak lagi diteruskan berkuat kuasa pada 31 Julai 2020.

c) <u>Perakuan Kekompetenan (COC)</u>

Tarikh tamat COC pelaut Malaysia sedia ada dilanjutkan secara automatik sehingga 31 Julai 2020 atau sehingga 3 bulan dari tarikh tamat tempoh yang asal, yang mana lebih awal.

d) <u>Perakuan Pengiktirafan (COR)</u>

Tarikh sah laku COR pelaut asing yang sedia ada boleh dilanjutkan sehingga 31 Julai 2020 atau mengikut tarikh pelanjutan yang diberikan oleh negara pengeluar COE asal. Pelaut asing perlu memohon melalui proses pembaharuan COR.

*17. For the purpose of supporting a foreign on-signer movement, proof of his/her employment letter or any other supporting documents must be provided to MARDEP, JIM and/or MOH whenever it is needed.*

*<u>SEAFARER DOCUMENTATION</u>*

*18. Seafarer Employment Agreement (SEA) which expires during the period of MCO may apply for an extension of one (1) month, as long as the total period of the SEA including the extension is not more than 13 months.*

*19. Seafarer documentations extension are given as follows: -*

*a) <u>Seafarer Identification Card (SID)</u>*

*Existing SID of an onboard seafarer which was previously automatically extended for a period of 3 months, will be discontinued/ ended on 31 July 2020.*

*b) <u>Medical Examination Certificate (MEC)</u>*

*Existing MEC of an onboard seafarer which was previously automatically extended for a period of 3 months, will be discontinued/ ended on 31 July 2020.*

*c) <u>Certificate of Competency (COC)</u>*

*The expiry date of an existing COC of a Malaysian seafarer is automatically extended to 31 July 2020 or 3 months from the original expiry date, whichever is earlier.*

*d) <u>Certificate of Recognition (COR)</u>*

*The expiry date of an existing COR of a foreign seafarer may be extended for 3 months, or until 31 July 2020, or in accordance to the issuance country of the original COE. Affected foreign seafarer shall apply via the COR renewal process.*

e) Sijil Kecekapan Pelaut (COP)

Tarikh sah laku COP pelaut Malaysia yang sedia ada dilanjutkan secara automatik sehingga 6 bulan atau sehingga 31 Oktober 2020, yang mana lebih awal.

f) Perjanjian Anak Kapal Malaysia

Perjanjian Anak Kapal yang tamat pada tempoh PKP, sama ada ia melibatkan anak kapal yang dilanjutkan COC/COR atau tidak, dokumen perjanjian tersebut boleh dilanjutkan sehingga 3 bulan.

g) Peperiksaan Lisan

Semua tempoh sah akhir peperiksaan lisan pelaut Malaysia yang jatuh pada tempoh PKP berkuat kuasa, dilanjutkan secara automatik selama 6 bulan dari tarikh tersebut atau sehingga 31 Oktober 2020, yang mana lebih awal.

PROSEDUR

20. Prosedur ringkas pertukaran anak kapal menurut lampiran ini adalah seperti carta alir A1 untuk *sign-off*, dan A2 untuk *sign-on.*

21. Pelepasan akhir untuk pertukaran anak kapal adalah tertakluk ke atas kelulusan dan arahan KKM.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

**Pengarah**,
Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM),
Ibu Pejabat Laut
Jabatan Laut Malaysia
bkim@marine.gov.my

**Pengarah**,
Bahagian Pembangunan Perkapalan & Pelaut (BPPP),
Ibu Pejabat Laut
Jabatan Laut Malaysia
bppp@marine.gov.my

*e) Certificate of Proficiency (COP)*

*The expiry date of an existing COP for a Malaysian seafarer is automatically extended for 6 months, or until 31 October 2020, whichever is earlier.*

*f) Malaysia Crew Article*

*The Crew Article agreement which expires during MCO period may be extended for 3 months, irrespective whether it involves a COC / COR extension for the crew.*

*g) Oral Examination*

*The final validity date of the Malaysian seafarer oral examination that falls during the MCO period, is automatically extended for 6 months or until 31 October 2020, whichever is earlier.*

*PROCEDURE*

*20. The crew change procedure in brief under this Annexure is stated in the flow chart A1 for sign-off, and A2 for sign-on. (in Malay Language only)*

*21. Final clearance of the crew change is subjected to the approval and instruction by MOH.*

*For further clarifications, kindly contact:*

***Director**,*
*Maritime Industrial Control Division (BKIM)*
*Marine Headquarters,*
*Marine Department Malaysia*
*bkim@marine.gov.my*

***Director**,*
*Shipping & Seafarer Development Division (BPPP)*
*Marine Headquarters,*
*Marine Department Malaysia*
*bppp@marine.gov.my*

***

**CARTA ALIR A1**
**SIGN OFF**




**1**

Permohonan sign-off anak kapal warganegara **ASING** kepada Pejabat Laut dan butiran tambahan yang perlu dilampirkan/ dinyatakan adalah seperti berikut:

- Salinan jadual/tiket penerbangan/feri pergerakan anak kapal selepas mendarat;
- Jangkaan tarikh dan masa pergerakan keluar anak kapal dari mana-mana pintu keluar negara.

**2**

JLM menyemak semua dokumen yang dikemukakan dan mengemaskini melalui sistem SDPX/dokumen kebenaran sign-off dari Pejabat Laut.

**3**

Semua anak kapal yang memohon untuk sign-off diwajibkan untuk menjalani ujian COVID-19 yang diiktiraf oleh KKM. Sekiranya keputusan ujian adalah **POSITIF**, atau anak kapal menunjukkan gejala wabak yang ketara, syarikat perlu melapor **SEGERA** kepada KKM dan tertakluk atas arahan secara langsung daripada pihak KKM.

Tertakluk atas pelepasan/kelulusan KKM, anak kapal warganegara asing boleh dibenarkan menunggu keputusan ujian COVID-19 di sekitar kawasan berdekatan pelabuhan. Syarikat bertanggungjawab memastikan anak kapal tidak bergerak keluar ke mana-mana.

**4**

Anak kapal warganegara **ASING** yang ujian COVID-19 adalah **NEGATIF**, dan telah mendapat kelulusan KKM & JIM, perlu bergerak ke mana-mana pintu keluar negara dengan **SEGERA** tanpa transit/singgah di mana-mana kawasan.

**5**

Anak kapal warganegara **MALAYSIA** yang ujian COVID-19 adalah **NEGATIF** mestilah menjalankan *self-surveillance* menggunakan *Home-Assessment Tools* KKM di kediaman masing-masing selama 14 hari mengikut arahan KKM.

**CARTA ALIR A2**
**<u>SIGN ON</u>**




**1**

Dokumen sokongan anak kapal warganegara Malaysia **DAN** anak kapal warganegara asing dihantar ke Pejabat Laut yang dicadangkan untuk sign-on:

- Salinan Borang Deklarasi Kesihatan Pelaut JLM;
- Salinan laporan keputusan ujian COVID-19 yang diiktiraf KKM;
- Perakuan negatif COVID-19/tidak bergejala oleh pihak syarikat/ejen perkapalan (*untuk pelaut warganegara asing sahaja*)

**2**

Semua anak kapal yang memohon untuk sign-on diwajibkan untuk menjalani ujian COVID-19 yang ujian serta laporan diiktiraf oleh KKM.

Sekiranya hasil ujian adalah **POSITIF**, syarikat perlu melapor **SEGERA** kepada KKM dan tertakluk atas arahan secara langsung daripada pihak KKM.

**3**

Mengemukakan permohonan sign-on melalui sistem SDPX ke JLM. JLM semak permohonan & deklarasi.

**HANYA** anak kapal dengan keputusan ujian COVID-19 **NEGATIF**, dibenarkan menaiki kapal tertakluk atas pelepasan dokumentasi oleh pihak JLM, JIM dan KKM.

**4**

Anak kapal dibenarkan untuk sign-on ke kapal berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan.

**<u>ANAK KAPAL WARGANEGARA ASING</u>**:
Anak kapal warganegara asing perlu terus bergerak **SEGERA** ke kapal/pelabuhan *sign-on* tanpa transit/ singgah di mana-mana kawasan.